

**PERSEPSI GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM MENINGKATKAN
PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID
BERMASALAH PEMBELAJARAN SPESIFIK**

*(Perception of Special Education Needs Teachers in Enhance Teaching and Learning Methods for Students
With Specific Difficulties)*

Norzuliaty Mohd Dzahir^a, Safani Bari^b

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail : norzuliaty.dzahir@gmail.com

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh guru-guru pendidikan khas kepada murid bermasalah pembelajaran spesifik disleksia. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan borang soal selidik yang ditadbirkan kepada 30 orang guru Pendidikan Khas yang mengajar di 16 buah sekolah menengah yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekitar Petaling Perdana, Selangor. Persoalan kajian dibina bagi mengkaji kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh Guru Pendidikan Khas ketika mengajar murid disleksia. Dapatan kajian ini mendapati bahawa guru pendidikan khas mempunyai kreativiti yang sederhana dalam proses pengajaran pembelajaran dijalankan. Guru-guru pendidikan khas yang mempunyai corak pengajaran yang kreatif dapat membantu murid disleksia memberi tumpuan di dalam kelas memandangkan mereka mempunyai gaya pembelajaran yang unik dan berbeza antara satu sama lain.

Kata kunci : Persepsi, Murid Bermasalah Pembelajaran Spesifik (disleksia), Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran, Guru Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Abstract: The aim of this study was to identify teaching and learning methods applied by teachers of special education to students with specific learning dyslexia in Selangor. The study employs a survey methods approach in data collection process. The survey concentrates on the method being used to educate the student with dyslexic to enhance teaching and learning process of dyslexic students. 30 respondents were selected among Special Education Need Teacher (SEN) in 16 secondary schools with Special Education Integration Programme (PPKI) around Petaling Perdana, Selangor. Special education needs teacher (SEN) need to be more creative and apply various teaching and learning methods that are interesting in helping dyslexic students to focus in class. It is because the specific learning disabilities (dyslexia) has unique learning styles and are different from each other.

Keywords: Perception, Specific Learning Disabilities (Dyslexia), Teaching and Learning Methods, Special Education Needs Teacher (SEN)

PENDAHULUAN

Menurut sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) bilangan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar di Malaysia ialah seramai 359,203 orang. Daripada jumlah itu, golongan bermasalah pembelajaran merupakan golongan majoriti dengan jumlah 134,659 orang. Golongan ini ditakrifkan sebagai individu yang menghadapi masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Murid bermasalah pembelajaran mempunyai pelbagai kategori seperti lembam, down syndrome, kurang upaya intelektual, autisme, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), masalah pembelajaran spesifik (disleksia, diskalkulia, dan disgrafia) dan lewat perkembangan global (*global development delay*) (<http://www.spa.gov.my/web/guest/kategori-orang-kurang-upaya-oku->), (Siti Sakinah Ab Jalil, Siti Khadijah Lokman, Asha Hasnimy, et.al., 2013). Kemudian diikuti dengan golongan bermasalah fizikal seperti kerdil, kudung tangan atau kaki atau keduanya, kudung ibu jari tangan, lumpuh, spina bifida, muscular dystrophy dan cerebral palsy dengan bilangan 123,346 orang. Bagi golongan bermasalah pendengaran dan

penglihatan, masing-masing dengan bilangan 43,788 orang dan 31,924 orang.

Menurut data program pendidikan khas integrasi disleksia spesifik 2012, jumlah murid yang mengalami disleksia sekolah rendah dan sekolah menengah adalah seramai 660 orang. Menurut Drake (1989), kanak-kanak disleksia mempunyai kesukaran belajar berbahasa, ketidakseimbangan kebolehan intelektual, tidak lancar membaca sesuatu yang bercetak, kesukaran meniru tulisan pada papan tulis atau buku.

Azizi Yahya (2006) menyifatkan bahawa disleksia adalah ketidakupayaan belajar yang berpunca daripada kerosakan sistem neurologi manusia khususnya di bahagian otak. Berninger dan Neilson (2008) pula menyatakan bahawa disleksia mempunyai masalah perkembangan otak iaitu spesifik kesukaran dalam pembelajaran dengan penulisan bahasa dan dikatakan individu disleksia adalah individu yang unik.

Seterusnya Emma dalam kajiannya pada tahun 2013 pula mendefinisikan bahawa kanak-kanak disleksia mempunyai masalah perkembangan mental yang lebih dikenali sebagai lambat menerima

pembelajaran dan menghadapi kesukaran dalam membentuk kemahiran menulis.

Mengikut teori Gagne (1985) semasa proses pembelajaran melibatkan peringkat memberi perhatian di mana murid perlu memberikan perhatian kepada pengajaran yang disampaikan kepadanya serta boleh mengaitkan pembelajaran baru dengan pembelajaran lepas. Kepelbagaian latar belakang murid disleksia memerlukan pendidikan yang lebih khusus mengikut kaedah, pendekatan dan bahan bantu belajar yang lebih sesuai dengan keperluan mereka. Oleh yang demikian, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid-murid disleksia ini perlu di ubahsuai bersesuaian dengan tahap penerimaan mereka supaya dapat mengoptimalkan potensi diri mereka yang sebenar (Salizawati Omar, 2011). Keadaan ini membuktikan bahawa semua murid pendidikan khas adalah unik dan berbeza antara satu sama lain (Abdullah Yusof, 2006).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data mengenai persepsi guru pendidikan khas dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah spesifik disleksia. Instrumen ini mengandungi dua bahagian iaitu (i) bahagian demografi responden dan (ii) persepsi guru pendidikan khas dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran murid disleksia. Tujuan utama pengumpulan maklumat demografi adalah untuk mengenal pasti faktor yang mungkin mempengaruhi jawapan responden di bahagian lain soal selidik. Terdapat 8 soalan yang ditanya di bahagian ini iaitu jantina, umur, bangsa, jawatan, pengkhususan, kelayakan akademik, tempoh berkhidmat dan pengalaman mengajar di PPKI.

Responden menjawab 10 item dalam bahagian (ii) berdasarkan skala likert 5. Skala tersebut berbentuk Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Tidak Pasti (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Soal selidik memberikan kemudahan kepada responden dalam membuat pilihan yang tepat terhadap item soalan yang dikemukakan mengikut masa lapang mereka. Persampelan rawak berstrata digunakan untuk memilih responden kajian. Terdapat seramai 30 orang guru pendidikan khas mengajar di 16 buah sekolah menengah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Bermasalah Pembelajaran yang mengajar di daerah Petaling Perdana, Selangor telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan.

Instrumen ini dipilih kerana ia dapat memberikan maklumbalas yang lebih tepat kerana responden tidak perlu berhadapan dengan penyelidik semasa menjawab soalan-soalan tersebut. Selain itu, menurut Mohd Majid Konting (2005), soal selidik merupakan kaedah yang paling berkesan bagi mendapatkan data dalam jumlah yang banyak pada kos yang rendah dalam tempoh yang singkat disamping sifatnya yang mudah di analisis dan mudah di tadbir.

Jadual 1: Jadual Skala Likert (Abdul Ghafar, 1999)

SKOR	PERNYATAAN	SINGKATAN	SKALA
1	Sangat Tidak Setuju	STS	1
2	Tidak Setuju	TS	2
3	Tidak Pasti	TP	3
4	Setuju	S	4
5	Sangat Setuju	SS	5

DAPATAN KAJIAN

Analisis data kajian dihuraikan dalam dua bahagian, iaitu analisis mengenai profil demografi responden dan analisis persoalan kajian. Berdasarkan kepada soal selidik yang dilakukan, data di analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 22* untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan. Jadual 2 menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan oleh Jamil Ahmad (2002) bagi menilai tentang persepsi guru pendidikan khas dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran murid disleksia.

Jadual 2: Skor min dan interpretasi

SKOR MIN	INTERPRESTASI
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi


Maklumat Demografi

Jadual 3: Demografi Responden

BIL.	MAKLUMAT	KEKERAPAN	PERATUSAN (%)
1	Jantina		
	a) Lelaki	4	13.3
	b) Perempuan	26	86.7
2	Umur		
	a) 20 – 30	8	26.7
	b) 31 – 40	15	50.0
	c) 41 – 50	6	20.0
	d) 51 – ke atas	1	3.0
3	Bangsa		
	a) Melayu	27	90.0
	b) Cina	0	0.0
	c) India	3	10.0
	d) Lain-lain	0	0.0
4	Jawatan		
	a) Penolong Kanan Pendidikan Khas	1	3.3
	b) Penyelaras Pendidikan Khas	1	3.3
	c) Guru Pendidikan Khas	28	93.3
5	Pengkhususan		
	a) Pendidikan Khas	11	36.7
	b) Lain-lain	19	63.3

6	Kelayakan Akademik		
a)	Sarjana	2	6.7
b)	Sarjana Muda	25	83.3
c)	Diploma	2	6.7
d)	Sijil	1	3.3
7	Tempoh Berkhidmat		
a)	1 – 5 tahun	8	26.7
b)	6 - 10 tahun	12	40.0
c)	11– 15 tahun	3	10.0
d)	16– 20 tahun	3	10.0
e)	20 – ke atas	4	13.3
8	Pengalaman Mengajar di PPKI		
a)	1 – 5 tahun	14	46.7
b)	6 - 10 tahun	12	40.0
c)	11– 15 tahun	1	3.3
d)	16– 20 tahun	2	6.7
e)	20 – ke atas	1	3.3

Daripada 30 orang responden yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 4 orang responden (13.3%) ialah lelaki dan 26 orang responden adalah guru perempuan (86.7%). Bagi faktor umur di dapati 8 orang responden (26.7%) berusia diantara 20 – 30 tahun, 15 responden (50%) berusia di antara 31 – 40 tahun, 6 responden (20%) berusia di antara 41 – 50 tahun manakala seorang




responden (3%) berusia 51 tahun ke atas.

Rajah 1: Jantina


Seramai 27 responden (90%) terdiri daripada Melayu dan 3 responden (10%) adalah India.

Bagi maklumat mengenai jawatan yang dipegang, didapati bahawa 28 responden (93.3%) adalah merupakan guru pendidikan khas, seorang responden (3.3%) adalah Penyelaras Pendidikan Khas serta seorang responden (3.3%) adalah berjawatan Penolong Kanan Pendidikan Khas.




Rajah 2: Jawatan

Bagi bidang pengkhususan pendidikan guru pendidikan khas, didapati bahawa hanya 11 responden (36.7%) sahaja yang mempunyai opsyen pendidikan khas manakala selebihny iaitu 19 responden (63.3%) adalah guru yang mempunyai pengkhususan yang pelbagai seperti Fizik, Kejuruteraan, Kemahiran Hidup, Matematik, Pendidikan Islam, Pengajian Islam, Pengajian Malaysia, Perakaunan, Perdagangan, Sains dan Teknologi Maklumat.




Rajah 3: Bidang Pengkhususan

Bagi faktor kelayakan akademik, 2 orang responden (6.7%) mempunyai tahap peringkat Sarjana, 25 responden (83.3%) mempunyai Sarjana Muda Pendidikan, 2 responden (6.7%) mempunyai tahap pendidikan peringkat Diploma dan seorang responden (3.3%) adalah mempunyai Sijil.




Rajah 4: Kelayakan Akademik

Bagi elemen tempoh perkhidmatan responden sebagai guru telah mendapati bahawa 8 responden (26.7%) berkhidmat di antara 1 hingga 5 tahun dan 12 responden (40%) berkhidmat di antara 6 – 10 tahun . 3 responden (10%) berkhidmat di antara 11 hingga 15 tahun dan 3 responden (10%) di antara 16 hingga 20 tahun.Seramai 4 orang responden (13.3%) telah berkhidmat sebagai guru yang telah melebihi 20 tahun ke atas.



Rajah 5: Kelayakan Berkhidmat Sebagai Guru

Manakala bagi item tentang pengalaman mengajar di PPKI didapati bahawa 14 responden (46.7%) mempunyai pengalaman 1 – 5 tahun, 12 responden (40%) mempunyai pengalaman 6 -10 tahun, seorang responden (3.3%) mempunyai pengalaman mengajar 11 – 15 tahun.



Rajah 6: Pengalaman Mengajar di PPKI
Peringkat Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Disleksia.

Sebanyak 10 item dikemukakan dalam soal selidik yang telah diedarkan bagi mengkaji persepsi guru pendidikan khas dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran murid disleksia. Hasil analisis dapatan dapat digambarkan di dalam jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Dapatan Soal Selidik

ITEM	KENYATAAN	KEKERAPAN / PERATUS					MIN
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	
E1	Saya merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran.	0 0.0	0 0.0	5 16.7	18 60.0	7 23.3	4.07
E2	Saya menyediakan rancangan harian yang lengkap setiap kali sebelum pengajaran.	0 0.0	0 0.0	5 16.7	17 56.7	8 26.7	4.10
E3	Saya memilih isi kandungan pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.	0 0.0	0 0.0	5 16.7	14 46.7	11 36.7	4.13
E4	Saya menyesuaikan isi kandungan dengan kebolehan murid	0 0.0	0 0.0	5 16.7	14 46.7	11 36.7	4.20
E5	Saya memilih bahan bantu mengajar yang sesuai	0 0.0	0 0.0	6 20.0	14 46.7	10 33.3	4.13
E6	Saya membina bahan bantu mengajar yang sesuai dengan hasil pembelajaran	0 0.0	0 0.0	5 16.7	15 50.0	10 33.3	4.17
E7	Saya merancang strategi pengajaran yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai.	0 0.0	1 3.3	5 16.7	16 53.3	8 26.7	4.03

E8	Saya memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.	0 0.0	1 3.3	5 16.7	15 50.0	9 30.0	4.07
E9	Saya mempelbagaikan aktiviti pengajaran mengikut kebolehan murid.	0 0.0	0 0.0	0 0.0	14 46.7	10 33.3	4.13
E10	Saya menjalankan pdp di luar bilik darjah mengikut kesesuaian tajuk.	0 0.0	2 6.7	6 20.0	16 53.3	6 20.0	3.87
Jumlah Keseluruhan					(n) = 30		
Min Keseluruhan							4.09

Min keseluruhan ialah 4.09 pada tahap tinggi, kajian mendapati bahawa guru pendidikan khas bersetuju dengan proses pengajaran dan pembelajaran murid disleksia yang telah diaplikasikan. Nilai min 4.20 mewakili skor min tertinggi bagi item E4 iaitu "Saya menyesuaikan isi kandungan dengan kebolehan murid". Ini terbukti dengan dapatan kajian mendapati seramai 5 responden (16.7%) tidak pasti, 14 responden (46.7%) adalah bersetuju dan 11 responden (36.7%) adalah sangat setuju dengan menyesuaikan isi kandungan pengajaran dengan tahap kebolehan dan penerimaan murid dapat meningkatkan penerimaan murid disleksia ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Manakala bagi item E10 menunjukkan min terendah iaitu 3.87, ini jelas membuktikan bahawa sebanyak 6.7% guru pendidikan khas tidak bersetuju menjalankan pdp di luar darjah mengikut kesesuaian tajuk, 20% tidak begitu pasti dengan pendekatan mengajar diluar kelas disebabkan oleh murid disleksia tidak dapat memberi tumpuan jika belajar di luar kelas akibat terlalu banyak tarikan. Selebihnya adalah bersetuju (53.3%) dan sangat setuju (20%) jika pdp dapat dijalankan diluar kelas kerana bagi pendapat guru-guru ini dengan memberi mengajar di luar kelas ia dapat memberi pendedahan kepada murid disleksia mengikut kesesuaian tajuk yang ingin di ajar. Guru-guru ini berpendapat bahawa murid ini akan lebih memahami perkara yang ingin di ajar dengan lebih mendalam.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian ini telah mendapati bahawa hanya 36.7% responden mempunyai opsyen pendidikan khas. Sebanyak 63.3% tidak mempunyai latar belakang pendidikan khas walaupun mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) disini. Namun begitu, mereka menunjukkan minat yang tinggi dalam mengajar murid disleksia, tetapi keliru tentang beberapa perkara berkaitan dengan disleksia. Kekurangan pengetahuan

tentang disleksia dalam kalangan responden dipercayai disebabkan oleh kekurangan pendedahan dan input latihan yang komprehensif. Terdapat juga kekeliruan yang dihadapi oleh guru pendidikan khas dalam mengenali ciri-ciri disleksia, menaksirkan murid-murid yang mengalami disleksia.

Dapatan dari kajian ini juga mendapati bahawa 46.7% responden mempunyai pengalaman 1 – 5 tahun, 40% responden mempunyai pengalaman 6 -10 tahun, 3.3% responden mempunyai pengalaman mengajar 11 – 15 tahun, 6.7% berpengalaman sebanyak 16 -20 tahun dan 3.3% berpengalaman lebih dari 20 tahun ke atas. Kebanyakan responden yang baru mengajar di PPKI yang mempunyai pengalaman kurang dari 5 tahun atau guru pendidikan khas bukan opsyen pendidikan khas menyatakan bahawa bilangan latihan yang diterima semasa dalam perkhidmatan kurang memuaskan. Pendedahan tentang ciri-ciri disleksia dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai amat di alukan.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Guru-guru pendidikan khas perlu dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran strategi pengajaran yang terkini, menarik serta sesuai dengan keperluan murid disleksia. Ini memberi peluang kepada mereka untuk terlibat secara aktif bersama rakan-rakan lain dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Guru-guru pendidikan khas perlu menerapkan penggunaan ICT ketika menyampaikan maklumat kerana dapat menjadikan persembahan dalam penyampaian maklumat itu menjadi lebih kreatif, menarik dan mampu merangsang tumpuan dan minda murid ini (Nik Mohd. Rahimi Nik Yusuff et al., 2014).

Penggunaan teknologi komunikasi augmentative dan alternatif (ACC) perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran murid disleksia dalam menarik minat mereka dan daya fokus mereka di dalam kelas seiring dengan perkembangan teknologi semasa. ACC turut didefinisikan sebagai suatu bentuk komunikasi yang menggunakan gestur, bahasa isyarat, gambar, peranti penjaanaan pertuturan atau komunikasi secara bertulis oleh American Speech-Language-Hearing Association (ASHA, 2013).

Isu kekurangan kemahiran atau kursus terhadap pendidikan disleksia dalam kalangan guru pendidikan khas turut merupakan satu masalah bagi seorang guru pendidikan khas yang mempunyai pengalaman kurang dari setahun atau guru yang tidak mempunyai opsyen pendidikan khas. Minat dan semangat yang ditunjukkan oleh responden dalam bidang pendidikan khas terutamanya disleksia tidak patut dipersiapkan. Masalah ini boleh ditangani melalui usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dengan menganjurkan lebih banyak bengkel atau kursus berkaitan pendidikan disleksia. Kursus dan latihan yang lebih mantap serta komprehensif dapat melahirkan guru-guru pendidikan khas yang mahir dan cekap dalam mendidik murid-murid disleksia di negara ini.

Selain dari itu, sesi perkongsian maklumat antara guru pendidikan khas yang mempunyai berpengalaman lebih dari 10 tahun tentang disleksia di bawah Pejabat Pendidikan Pelajaran yang sama perlu dikongsi bersama guru-guru pendidikan khas yang baru berkhidmat atau kurang dari 2 tahun mengajar PPKI atau guru yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang disleksia. Perkongsian maklumat ini dilihat dapat mengeratkan hubungan dikalangan guru-guru di samping dapat memahami dengan lebih mendalam tentang murid disleksia. Sesi pertukaran maklumat atau pertukaran pendapat di adakan di suatu sesi samaada bersekemuka atau menggunakan telesidang.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya. (2006). *Punca dan Rawatan Kecelaruhan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur : PTS Profesional.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2011). *Instrumen Senarai Semak Disleksia*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya. Cetakan Kedua.
- Pallant, J (2013). *SPSS survival manual : A step by step guide to data analysis using SPSS*. Buckingham.
- Osman Hashim & Ahmed Ghazie Ibrahim. (2007). *Ke arah Peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Dallah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*. Jurnal Masalah Pendidikan 30(1), 37 – 49.
- Siti Sakinah Ab Jalil, Siti Khadijah Lokman, Asha Hasnimy, et.al. (2013). *Jenis Gengaman Pensel dan Prestasi Kemahiran Melakar Normal dan Bermasalah Pembelajaran : Pemerhatian Awal CEKAP*. International Seminar on Quality and Affordable Education. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Noarni Salleh. (2010). *Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas tentang Austisme*. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1): 19 -26
- “What is Assistive Technology (AT)?” (2012). ATNetwork:Assistive Technology..Tools for Living. Williams, M.B., Krezman, C., & McNaughton, D. (2008). “Reach for the star”: Five 127 principles for the next 25 years of ACC. *Augmentative and Alternative Communication*.
- V.W. Berninger, K.H. Nielsen. (2006). *Gender Differences in Severity of Writing and Reading Disabilities*”. Journal of School Psychology. University of Washington, United States.
- Ronald Dell Davis. (2010). *The Gift of Dyslexia – Revised and Expanded*. Perigee Trade. ISBN:978-0399535666
- Salizawati Omar (2011), *Masalah Bahasa Bukan Lisan*, Diges Pendidik Universiti Sains Malaysia (USM), Jilid 11, Bil 1/2011
- Gagne, R. (1985). *Conditions of Learning*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kementerian pelajaran Malaysia. (2011). *Program literasi dan numerasi tahap 1 sekolah rendah*. Terbitan Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Rosana Awg. Bolhasan. 1998. *Disleksia di kalangan pelajar sekolah rendah di Kuching, Sarawak*. Dissertas Sarjana Sains. Universiti Malaysia Sarawak.
- <http://www.spa.gov.my/web/guest/kategori-orang-kurang-upaya-oku-> (20 November 2016)
- <http://www.asha.org/PRPSpecificTopic.aspx?folderid=8589942773§ion=Overview> (14 Disember 2016)
- <https://www.scribd.com/doc/109275445/Tajuk-1-Pengenalan-Kepada-Disleksia> (20 November 2016)